

10 DEC 1997

PEMBUATAN DIJANGKA MENJADI PENYUMBANG UTAMA KEPADA PEROLEAHN TONGKAH

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Berikutan arah menurun pasaran saham sekarang, Tongkah Holdings Bhd merasai bahawa bahagian pembuatan akan menjadi penyumbang utama kepada pendapatannya pada masa depan, kata pengerusi eksekutifnya Mokhzani Mahathir.

"Setakat ini sumbangan daripada bahagian-bahagian perkhidmatan, pembuatan dan penjagaan kesihatan kepada pendapatan adalah seimbang," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa syarikat hari ini.

Mengenai firma broker sahamnya, Kestrel Securities Sdn Bhd, beliau berkata pendedahannya dalam pasaran saham masih "agak terbatas."

Ditanya tentang kemungkinan bagi Tongkah untuk menggabungkan Kestrel dengan firma-firma broker saham lain, Mokhzani berkata, "jika kami mendapat peluang untuk berbuat demikian kami akan menyusulinya."

Beliau berkata bahawa kumpulan syarikat itu bernasib baik kerana berada dalam kedudukan yang memungkinkannya mencapai hasrat kerajaan yang mahukan institusi-institusi kewangan bergabung untuk menjadi lebih kukuh lagi.

"Jika terdapat cadangan yang baik yang dikemukakan kepada kami, kami akan bertindak sewajarnya," katanya sambil menambah bahawa "terdapat cakap-cakap tetapi belum ada pengesahan bagi kami untuk mendekati mana-mana syarikat."

Bagaimanapun, Mokhzani berkata jika pasaran saham berterusan dengan tahapnya sekarang untuk enam bulan lagi, sektor kewangan kumpulan itu "tidak akan memberi sumbangan sebaik seperti tahun lepas."

Pada masa ini, urus niaga broker saham menyumbang kira-kira RM35 juta dari segi keuntungan atau 35 peratus daripada keuntungan sebelum cukai kumpulan. Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun, 1997, kumpulan itu mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM100.3 juta berbanding dengan RM57.8 juta sebelum itu manakala perolehan berjumlah RM468.7 juta berbanding dengan RM528 juta dalam 1996.

Mokhzani turut menyatakan bahawa Tongkah berharap untuk mengeluarkan alat komputer berasaskan konsep siap guna untuk sebuah syarikat multinasional berpangkalan di Amerika Syarikat menjelang suku pertama tahun depan.

Pada mesyuarat para pemegang saham hari ini, mereka meluluskan cadangan untuk membeli balik saham Tongkah di Bursa Saham Kuala Lumpur. -- BERNAMA

MK SIA